

Malaysia-Singapura 'bertaut' hasil diplomasi terbuka Anwar

• Penyertaan Perdana Menteri dalam Dialog Shangri-La ke-22 memperkukuh imej Malaysia sebagai negara proaktif, matang dan lantang memperjuangkan prinsip keamanan, keterbukaan ekonomi serta kedaulatan serantau

• Malaysia bukan sekadar penerima dasar, tetapi tampil sebagai broker jujur iaitu pihak bersedia berunding dan menawarkan pendekatan penyelesaian berdasarkan prinsip serta kebijaksanaan serantau



Dekan Pusat Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Jusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Lawatan kerja singkat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Singapura pada 31 Mei lalu mencerminkan lebih daripada sekadar kunjungan diplomatik rutin.

Ia satu langkah strategik menggabungkan dua dimensi utama. Pertama, pengukuhan hubungan dua hala Malaysia-Singapura sempena ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik. Kedua, penyertaan aktif Malaysia dalam Dialog Shangri-La ke-22, platform keselamatan paling berpengaruh di rantau ini.

Kedua-dua komponen ini saling melengkapi dan menandakan satu fasa baharu dalam pendekatan Malaysia terhadap diplomasi serantau lebih berani, progresif dan berprinsip.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura melalui pelbagai fasa dan berkembang pesat sejak perpindahan kedua-dua negara pada 1965. Tahun ini menjadi saksi ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik antara kedua-dua negara, diraikan dalam semangat kerjasama mendalam dan saling memahami.

Realiti geopolitik dan keperluan ekonomi mendorong kedua-dua negara memajukan hubungan rapat, berasaskan kepentingan bersama. Dalam konteks dunia semakin mencabar dan terpecah oleh persaingan kuasa besar, hubungan erat Malaysia-Singapura ini memberi isyarat kestabilan serantau boleh dicapai melalui kerjasama dua hala tulus dan konsisten.

Dari segi ekonomi, Singapura kekal sebagai rakan dagang kedua terbesar Malaysia di peringkat global dan yang terbesar dalam kalangan negara ASEAN.

Nilai dagangan dua hala pada 2024 mencecah RM396.22 bilion, meningkat 8.9 peratus berbanding tahun sebelumnya. Dagangan ini turut menyaksikan nilai eksport Malaysia ke Singapura mencecah RM230.86 bilion, manakala import dari Singapura berjumlah RM143.73 bilion.

Angka ini bukan sahaja mencerminkan saling keberuntungan ekonomi, tetapi kepentingan mengekalkan suasana politik stabil dan dasar ekonomi mesra pelabur di kedua-dua negara.

Pertemuan empat mata antara Perdana Menteri dan rakan sejawatnya dari Singapura, Lawrence Wong, menyaksikan perbincangan mendalam berkenaan isu utama seperti sempadan, maritim, sumber air, tenaga boleh diperbaharui serta pelaksanaan Grid Tenaga ASEAN.

Projek strategik membabitkan dua negara seperti Sistem Transit Rapid (RTS) Link Johor Bahru-Singapura dilihat sebagai penyelesaian jangka panjang kepada isu kesesakan sempadan serta mampu melonjakkan integrasi fizikal dan ekonomi antara wilayah selatan Malaysia dan Singapura selain Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ) dijangka memacu pertumbuhan pelaburan dan pembangunan industri berteknologi tinggi di kawasan berkenaan.

Penyertaan Perdana Menteri dalam Dialog Shangri-La ke-22 pula memperkukuh imej Malaysia sebagai negara proaktif, matang dan lantang memperjuangkan prinsip keamanan, keterbukaan ekonomi serta kedaulatan serantau.

Forum tahunan anjuran Institut Kajian Strategik Antarabangsa (IASS) ini bukan sekadar platform kesela-

matan, tetapi pentas strategik bagi menentangkan suara Asia Tenggara dalam dunia semakin begitu rancam dan mengalami polarisasi oleh ketegangan kuasa besar.

Dalam ucapan khas bertajuk 'Holding Our Ground: Southeast Asia in a Fractured World', beliau menegaskan tiga perkara utama iaitu keutuhan ASEAN sebagai paksi kestabilan, komitmen terhadap keterbukaan ekonomi serta diplomasi berprinsip dalam menghadapi isu global.

Beliau memberi isyarat Malaysia menolak politik berasaskan blok, sebaliknya memperjuangkan sebuah rantau bebas, inklusif dan seimbang. Turut mencuri tumpuan ialah seruan lantang beliau terhadap kekejaman di Gaza.

Kehadiran Perdana Menteri di Singapura turut digunakan untuk memperkukuh hubungan dua hala secara bersempurna. Pertemuan beliau dengan Presiden Singapura, Tharman Shanmugaratnam, sesi dialog bersama pemimpin utama seperti Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat (AS), Pete Hegseth dan Presiden Boeing Global, Dr Brendan Nelson, membuka ruang baharu dalam kerjasama pertahanan, keselamatan maritim, pemodenan aset serta pembangunan industri penyelenggaraan dan baik pulih (MRO) tempatan.

Semua ini mencerminkan Malaysia bukan sekadar penerima dasar, tetapi tampil sebagai broker jujur iaitu pihak bersedia berunding dan menawarkan pendekatan penyelesaian berdasarkan prinsip serta kebijaksanaan serantau. Pendekatan ini jelas dalam seruan Malaysia supaya semua pihak mematuhi Konvensyen PBB mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS) dalam menangani ketegangan di Laut China Selatan.

Malaysia komited kepada perdagangan bebas

Dalam bidang ekonomi pula, kenyataan Anwar mengenai keterbukaan pasaran sebagai pelindung kestabilan dan daya tahan ekonomi memberi isyarat kepada pelabur asing bahawa Malaysia kekal komited kepada perdagangan bebas berasaskan peraturan.

Ini pastinya mampu meningkatkan keyakinan pelabur dan meletakkan Malaysia sebagai destinasi menarik dalam iklim ekonomi global tidak menentu.

Tegasnya, lawatan kerja singkat Anwar ke Singapura memperlihatkan satu corak hubungan dua hala jauh lebih pragmatik, terbuka dan berprinsip berbanding pada era Tun Dr Mahathir Mohamad.

Di bawah kepimpinan Anwar, hubungan Malaysia-Singapura berkembang ke arah kerjasama strategik jangka panjang yang tidak hanya terhad kepada isu sempadan atau air, tetapi turut membabitkan projek integrasi ekonomi seperti JS-SEZ dan RTS Link, kerjasama tenaga boleh diperbaharui serta pembabitkan aktif dalam inisiatif serantau seperti Grid Tenaga ASEAN.

Sebaliknya, era Dr Mahathir terutama pada era 1981-2003 sering dicirikan oleh ketegangan diplomatik, khususnya dalam isu air, jambatan bengkak dan pengambilalihan aset strategik Singapura di Malaysia.

Pendekatan Dr Mahathir lebih bersifat nasionalistik dan konfrontasional, kadangkala menyebabkan perbincangan dua hala terhenti atau membeku. Hubungan dua hala ketika itu cenderung dilihat sebagai kompetitif, dengan penekanan kepada kedaulatan nasional berbanding integrasi ekonomi serantau.

Sebaliknya, Anwar mengambil pendekatan 'diplomasi bertemu strategi', dengan memperkukuh hubungan peribadi bersama kepimpinan baharu Singapura, menyampaikan mesej kesederhanaan dan kemanusiaan serta memperluas pengaruh Malaysia sebagai suara rasional dan berprinsip di pentas dunia.

Tegasnya, hubungan Malaysia-Singapura di bawah pentadbiran Anwar mencerminkan satu perubahan paradigma ke arah diplomasi moden strategik, mesra pelabur dan beretika, berbeza dengan era Mahathir sering berhadapan dengan hubungan tegang.

